

Isikan tempat kosong dengan kata adjektif yang sesuai.

1 Kaki Pak Senin digigit pacat, darah _____ meleleh di kakinya.

- A cair
- B putih

- C pekat
- D merah

2 Semua seluarnya sudah menjadi _____ kerana badannya sudah berisi.

- A ketat
- B besar

- C singkat
- D longgar

3 Abdul Halim sedang mengasah sabit kelapa sawit itu kerana sudah _____.

- A tajam
- B kasar

- C kesat
- D tumpul

4 Pengawas lelaki itu sering membawa buku _____ di dalam poket bajunya.

- A kecil
- B tebal

- C besar
- D panjang

5 Penyanyi yang mempunyai suara _____ itu mendapat tepukan gemuruh daripada penonton.

- A serak
- B garau

- C merdu
- D nyaring

6 Asam jawa selalu digunakan oleh emak untuk menghilangkan bau _____ ikan air tawar.

- A hapak
- B hanyir

- C tengik
- D hancing

7 Perabot yang dijual di kedainya itu dibuat daripada kayu _____ yang diimport.

- A nipis
- B tebal

- C kesat
- D keras

8 Bau _____ pada bajunya telah hilang setelah disembur dengan minyak wangi yang _____ itu.

- A busuk , tengik
- B hanyir , wangi

- C hapak , harum
- D hancing , mersik

9 Cuaca malam ini _____ kerana petang tadi hujan turun dengan lebatnya.

- A sejuk
- B damai

- C panas
- D nyaman

10 Zurina berasa takut apabila tinggal di dalam bilik yang _____ itu.

- A senyap
- B sunyi

- C diam
- D riuh

11 Bangunan yang _____ itu akan dirobohkan oleh Majlis Perbandaran Shah Alam kerana boleh membahayakan keselamatan orang ramai.

- A baru
- B antik

- C retak
- D runtuh

12 Farisha _____ tinggal sendirian kerana ahli keluarganya yang lain pergi membeli-belah.

- A aneh
- B boros

- C buruk
- D bosan

13 Samad menjolok buah mangga itu dengan menggunakan sebatang galah yang

A tinggi

B besar

C kontot

D panjang

14 Keropok ubi kayu itu menjadi _____ kerana tidak disimpan di dalam bekas kedap udara.

A kuat

B tajam

C lemau

D garing

15 Perut ikan buntal yang _____ itu menarik perhatian saya .

A lebar

B buncit

C sendat

D runcing

16 Rasa pisang muda amat _____ kerana masih mengandungi banyak getah.

A kelat

B pahit

C manis

D masam

17 _____ sungguh pemandangan hutan di kawasan Air Terjun KualaWoh itu.

A Indah

B Muram

C Kelam

D Sayup

18 Walaupun umur adik baru empat tahun, tetapi dia _____ bercakap.

A laju

B petah

C bising

D pandai

19 Kucing hitam itu mencuri ikan yang _____ digoreng oleh kakak.

A baru

B lama

C segar

D layu

20 Ayah sedang mengasah parang yang _____ itu

A tumpul

B tajam

C tebal

D nipis